

Headline **Sindiket dagang anak berleluasa di India**  
 Date **26. Apr 2009**  
 Media Title **Berita Minggu**  
 Section **Supplement**  
 Circulation **342946**  
 Readership **2476000**

Language **MALAY**  
 Page No **6**  
 Article Size **735 cm2**  
 Frequency **Daily**  
 Color **One Spot Color**  
 AdValue **11260.56**



Fenomena didakwa berkait rapat faktor budaya yang anggap budak sebagai hadiah penghapus dosa

**l oleh** Rohaniza Idris  
 roha@bharian.com.my

**F**ILEM *Slumdog Millionaire* mengenai perjalanan hidup seorang kanak-kanak yang tinggal di kawasan setinggan di Mumbai, India, bukan setakat meraih lapan anugerah Oscar Februari lalu, tetapi turut mencetuskan pelbagai fenomena baru di negara asalnya.

Selain dipilih Filem Terbaik Anugerah Academy, pelakon filem berkenaan termasuk pelakon kanak-kanaknya yang juga rakyat tempatan turut menerima tempas populariti dan pelbagai cerita serta gosip mengenai mereka di seluruh dunia.

Terbaru, seorang pelakon kanak-kanaknya, Rubina Ali yang melakonkan watak heroin filem itu ketika kecil, dipaparkan cuba dijual bapanya kepada keluarga angkat kerana ingin bebas daripada kemiskinan di Mumbai. Bagaimanapun, laporan itu dinafikan keluarga Rubina baru-baru ini.

Tabloid *News of the World*, mendakwa, Rafiq Qureshi, bapa Rubina meletakkan harga sekurang-kurangnya 20 juta rupee (RM1.45 juta) sebagai pertukaran anak perempuannya berusia sembilan tahun itu.

Ekoran laporan berkenaan, polis India di Mumbai kini melancarkan siasatan termasuk menyoal bapa pelakon cilik berkenaan, selain memanggil Rubina dan Rafiq memberikan keterangan.

Tindakan polis itu juga dibuat selepas menerima aduan ibu Rubina, Kushid yang mengetahui mengenai berita penjualan berkenaan

daripada media massa.

Rubina yang melakonkan watak Latika ketika kecil tinggal bersama bapa dan ibu tirinya di kawasan setinggan di Mumbai selepas ibunya berpisah dengan bapanya.

Hakikatnya, kisah Rubina itu cuma secebis daripada realiti sebenar yang wujud di India memabitkan kanak-kanak di negara kedua terbasar jumlah rakyatnya di dunia itu.

India dianggarkan mempunyai 400 juta kanak-kanak daripada usia bayi hingga 18 tahun. Malangnya, lebih separuh daripada mereka hidup dihipit kemiskinan.

Laporan Penyeludupan Manusia Amerika Syarikat pada Jun tahun lalu, menyebut kebanyakan kanak-kanak yang miskin di India berkemungkinan menjadi mangsa sindiket penyeludupan manusia.

Ini berkait rapat dengan kedudukan India yang biarpun menjadi antara 10 negara membangun yang paling cepat menikmati pertumbuhan, tetapi pendapatan rakyatnya masih rendah manakala 26 peratus rakyatnya hidup di bawah garis kemiskinan.

Dalam kes penyeludupan kanak-kanak, kebanyakannya dijual keluarga atau menjadi mangsa penculikan sindiket untuk diseludup menjadi buruh kasar di kilang, rumah orang kaya dan estet.

Selain buruh, ada juga kanak-kanak yang diseludup dilatih menjadi gerila, askar upahan, pengemis dan lebih teruk lagi dijadikan pekerja seks.

Malah, laporan berkenaan menyatakan kanak-kanak dari Nepal turut diseludup ke India untuk bekerja sebagai buruh dan artis di pertunjukan sarkas di negara berkenaan.

Laporan berkenaan menyatakan beribu kanak-kanak India yang dijual oleh keluarga mereka kerana kemiskinan juga di seludup bersama wanita dan lelaki yang berhijrah ke Asia Barat, Eropah, Amerika Syarikat untuk menjadi pekerja seks, pembantu rumah dan buruh.

Pertubuhan bukan kerajaan yang membela nasib kanak-kanak dan wanita di India menganggarkan masa-



Rubina dan bapanya keluar dari balai polis selepas bapanya disoal siasat.

lah penyeludupan memabitkan 20 hingga 65 juta warga negara berkenaan setiap tahun.

Sementara itu, kajian oleh pertubuhan bukan kerajaan Shakti Vahini pada 2006, mendapati 378 daripada 593 daerah di India terbalit dengan kes penyeludupan manusia yang mana 10 peratus daripada kes berkenaan memabitkan penyeludupan antarabangsa dan selebihnya penyeludupan antara bandar.

Shakti Vahini melaporkan punca penyeludupan adalah kemiskinan dan faktor ekonomi. Selain itu, persekitaran hidup turut menyebabkan masalah penyeludupan berlaku, tambahan pula kesan kemelesetan ekonomi yang dirasai kebanyakan negara.

Di India juga dikatakan budaya menyebabkan kanak-kanak menjadi barang dagangan. Dalam sesetengah masyarakat di negara berkenaan, penjualan atau penyerahan kanak-kanak untuk menghapuskan dosa atau pemberian untuk menyucikan diri mem-

buka ruang sindiket penyeludupan manusia menculik kanak-kanak.

Sementara itu, penjualan wanita muda menjadi budaya dalam masyarakat Bedia dan Bacchara, di Madhya Pradesh, daerah sempadan antara Uttar Pradesh dan Maharashtra manakala dalam komuniti Rajnat di Rajasthan menjual kehormatan anak gadis adalah satu tradisi untuk memanjangkan usia.

Malah, ada daerah terpencil di India percaya dengan mitos bahawa perkahwinan dengan anak dara sunti sangat bernilai kerana mereka boleh menyembuhkan lelaki yang mengidap penyakit kelamin dan HIV/AIDS.

Persoalannya, sampai bila kanak-kanak di India yang dibelenggu kemiskinan akan terus menjadi barang dagangan untuk memberikan kehidupan lebih selesa kepada ahli keluarga yang lain. Manusia tidak sepatutnya dilahirkan untuk menjadi barang dagangan seperti haiwan ternakan yang boleh membantu menyelesaikan masalah ekonomi keluarga.



Rubina (berbaju hitam) masih hidup di kawasan setinggan seperti kanak-kanak lain di India.